

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PENGHARGAAN PENUBUHAN FAKULTI KECERDASAN
BUATAN DAN KESELAMATAN SIBER (FAIX) DAN
AMANAT OLEH YBHG. DATUK NAIB CANSELOR**

22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA

DEWAN AUDITORIUM, CANSELORI

Bismillahirrahmanirrahim

Terima Kasih Saudara Majlis,

SALUTASI

-Seperti di Lampiran



PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinnya juga, pada hari jumaat yang penuh dengan keberkatan ini kita dapat bersama-sama hadir di **Majlis Penghargaan dan Amanat Sempena Penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber (FAIX)**.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Tinggi (KPT) telah **bersetuju meluluskan penubuhan FAIX melalui surat bertarikh 17 Oktober 2024**. Dan hari ini, kita sebagai warga UTeM boleh berbangga dengan menyatakan bahawa UTeM adalah MTUN pertama yang menerajui penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber.
3. Ini merupakan satu momen bersejarah dan satu pencapaian yang amat membanggakan pada tahun ini. Saya **mengucapkan setinggi terima kasih kepada YBrs. Profesor Dr. Zulkifilie Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** yang telah menggerakkan penubuhan bersama-sama **Profesor Madya Dr.**

Nurulfajar Abd Manap selaku Ketua Jawatankuasa dan juga semua ahli jawatankuasa yang dilantik.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

4. Penubuhan FAIX ini secara tidak langsung menunjukkan komitmen UTeM untuk menjadi penyumbang utama **penghasilan 200,000 pakar AI dan 100,000 pakar Keselamatan Siber** menjelang **2030** selaras dengan visi Malaysia sebagai pemimpin teknologi serantau.
5. FAIX akan mengukuhkan keupayaan Universiti dalam bidang tujahan "*Advanced Manufacturing and Computing Technology*", dengan mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dan

Keselamatan Siber (CS) sebagai komponen utama, seterusnya melonjakkan daya saing institusi dalam era Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya.

6. **Menjelang 2030, dijangka enrolmen pelajar bagi fakulti ini adalah sebanyak 3,600 yang menyumbang sebanyak 10% dari jumlah keseluruhan enrolmen Universiti yang disasarkan seramai 37,500 pelajar.** Ia juga akan menghasilkan graduan dan tenaga kerja terpacu industri yang berkemahiran tinggi dan relevan dengan keperluan industri.
7. Selain daripada itu, diharap dengan tertubuhnya FAIX akan dapat memperkuatkan penyelidikan dan inovasi dalam menghasilkan teknologi canggih dalam bidang AI dan keselamatan


siber yang memberi peluang lebih besar kepada Penyelidik bagi penemuan baharu, inovasi dan penciptaan teknologi termaju dalam bidang ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. **Gerak kerja penubuhan FAIX ini sebenarnya telah dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa pada Mac 2024 dan seterusnya sesi bengkel, mesyuarat, libat urus dan pemurnian dokumen kertas kerja sehingga dibawa kepada perakuan beberapa mesyuarat utama Universiti pada Jun dan ke peringkat kelulusan JPT pada Ogos 2024. Dalam tempoh dua (2) bulan, kertas kerja telah disiapkan dan dibentangkan ke Mesyuarat Eksekutif.** Saya yakin dan percaya, staf UTeM sememangnya

mempunyai kebolehan yang luar biasa serta mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan bersungguh-sungguh.

9. Sumbangan-sumbangan staf ini tidak dipandang sepi oleh Pengurusan. Staf yang menyumbang dan menggembeling tenaga bagi menjayakan perancangan strategik Universiti seperti penubuhan fakulti baharu ini wajar dihargai dan diberikan mata penilaian prestasi yang tinggi kerana gerak kerja bagi penubuhan fakulti baru bukanlah mudah. Tetapi UTeM berjaya melakukannya dalam tempoh masa yang sangat singkat. **Syabas dan sekalung tahniah saya ucapkan!!**

- 
10. Bukan itu sahaja, oleh kerana sumbangan dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan, UTeM turut menghargai dengan memberikan mata bagi sebarang urusan kenaikan pangkat. Bagi tujuan tersebut, staf harus mengambil positif sebarang lantikan yang diterima. **Pihak Pengurusan memberikan peluang kepada staf untuk bersama-sama membangunkan UTeM dan juga peluang kenaikan pangkat kepada staf.**
 11. Suka diingatkan walaupun surat lantikan diterima namun untuk dikira dalam kenaikan pangkat perlu berserta dengan surat penghargaan selepas sesuatu projek diselesaikan. Universiti mahu staf aktif menyumbang dan bukan sekadar menerima pelantikan tetapi tidak bersama-sama ahli jawatankuasa lain memberi idea,

pandangan, membuat kajian, kertas kerja dan sebagainya. Kerja berpasukan adalah amat penting.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. UTeM sedia ada mempunyai seramai **62 orang staf dengan kepakaran dalam bidang kecerdasan buatan dan keselamatan siber** dari pelbagai fakulti.

FTMK : 42 orang

FTKE: 9 orang

FTKEK : 8 orang

FTKM : 1 orang

FTKIP : 2 orang

13. Pihak Pengurusan akan **melihat semula keperluan fakulti sedia ada dan FAIX sebelum penempatan semula staf dibuat**. Kita tidak mahu mengabaikan fakulti sedia ada terutamanya FTMK dalam keterangan kita untuk memberi tumpuan pada FAIX. Selain daripada staf akademik, staf teknikal juga akan disusun semula berdasarkan keperluan dan fungsi. Begitu juga staf pentadbiran. Pada masa ini, keutamaan Universiti adalah untuk melantik Pentadbir Akademik fakulti iaitu Dekan dan Timbalan Dekan bagi memastikan operasi dan pengurusan FAIX dapat dilaksanakan dengan segera.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

14. Universiti juga telah **mengenalpasti ruang untuk menempatkan pejabat pentadbiran FAIX**, walau bagaimanapun ia memerlukan

sedikit masa untuk melaksanakan pengubahsuaian supaya dapat memberi keselesaan kepada staf kelak. Untuk makluman juga, **hanya pengurusan fakulti kelak yang akan berpindah secara fizikal, manakala staf akademik lain akan kekal di pejabat masing-masing di fakulti semasa.**

- 
15. Dari segi akademik pula, sedia ada, FTMK telah menawarkan lima (5) program akademik dalam bidang AI dan Keselamatan Siber. Dua (2) adalah program Ijazah Sarjana Muda dan tiga (3) program Sarjana. Kelima-lima program ini akan dipindahkan ke FAIX.

16. Pada tahun 2026, Universiti telah **mensasarkan penawaran tiga (3) program akademik Baharu, dua (2) program Diploma dan satu (1) Sarjana Muda**. Di samping itu juga, tiga (3) program pensijilan profesional turut akan ditawarkan. Oleh yang demikian, gerak kerja perancangan program-program Baharu ini perlu bermula segera dan menjadi tanggungjawab barisan Pentadbir Akademik FAIX yang bakal dilantik untuk memastikan proses-proses sewajarnya dilaksanakan dengan teratur sehingga kesemua program baharu tersebut dapat ditawarkan.
17. Akhir kata, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin **merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim, Profesor Madya**

Dr. Nurulfajar bin Abd Manap, semua Ahli Jawatankuasa Penubuhan FAIX serta semua staf yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber atau FAIX ini.

Sekian,

*Wabillahitaufik Walhidayah
Wabakaratuh.*



اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA